

04/11/1998

Firma asing mesti peka perasaan rakyat tempatan

KUALA LUMPUR, Selasa - Syarikat telekomunikasi asing tidak harus mengetepikan unsur nasionalisme, maruah dan sensitiviti rakyat tempatan apabila mereka memainkan peranan utama dalam industri telekomunikasi di negara membangun.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rakyat menghargai penyertaan syarikat asing terutama dalam bidang telekomunikasi kerana jumlah pelaburan besar dan teknologi yang berterusan, diperlukan bagi pembangunan negara.

Tanpa pelaburan dan teknologi asing, kata Perdana Menteri, sukar bagi rakyat berhubung rapat dengan sistem global antarabangsa dan kerana itu, kesediaan mereka berkorban seharusnya tidak dipersia-siakan.

"Walaupun kerajaan adalah pragmatik dan berharap untuk membuka pasaran seluas-luas mungkin untuk bersaing dengan negara lain di seluruh dunia, rakyat mungkin keberatan berbuat demikian.

"Rakyat juga tidak sanggup jika mereka saja yang berkorban, seperti terpaksa kehilangan kerja dan sumber pendapatan. Keadaan itu sudah boleh dilihat di beberapa negara di mana penstrukturan semula ekonomi membabitkan pemberhentian tenaga kerja.

"Ia tidak sepatutnya berlaku dalam sektor industri telekomunikasi apabila negara membuka luas sektor berkenaan," katanya berucap merasmikan Pameran dan Persidangan Telekomunikasi Asean (Asean Telecom 98) di sini, hari ini.

Pameran dan persidangan tiga hari itu anjuran bersama Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Jabatan Telekomunikasi Malaysia (JTM), Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Telekom Malaysia dan AMB Exhibition Sdn Bhd.

Ia disertai 200 syarikat telekomunikasi dan teknologi maklumat (IT) terkemuka dari 18 negara termasuk Malaysia. Turut hadir Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie.

Perdana Menteri turut menyentuh mengenai keadaan semasa pasaran komunikasi dan IT dunia serta peluang syarikat tempatan menyertainya.

Pasaran maklumat dan telekomunikasi kini dianggarkan bernilai AS\$1 trilion (RM3.8 trilion) dan kebanyakannya didominasi sektor perkhidmatan yang menyumbang kepada 80 peratus daripada perolehan global.

Menurutnya, syarikat multinasional terkemuka antarabangsa kini membentuk segmen penting dalam pasaran komunikasi dan IT dunia. Mereka sanggup memperuntukkan perbelanjaan besar bagi memenuhi keperluan sistem penyelesaian komunikasi canggih.

"Bagi mengekalkan kedudukan dan terus berdaya saing dalam ekonomi maklumat global, syarikat di negara membangun yang kebanyakannya masih lagi berasaskan teknologi, perlu bergerak pantas menyusun semula perniagaan dan perkhidmatan untuk menguasai jualan dan menembusi pasaran antarabangsa.

"Industri tempatan perlu memberi saingan lebih hebat untuk mendapatkan pelaburan terus luar negara daripada firma antarabangsa yang kebanyakannya mendominasi industri komunikasi dan multimedia," ujarnya.

Beliau berkata, syarikat tempatan masih mempunyai banyak peluang meluaskan kegiatan, memasuki pasaran baru, menarik pelaburan asing serta memperkukuh perkhidmatan yang disediakan kerana industri komunikasi terus mengalami pertumbuhan memberangsangkan di peringkat antarabangsa.

"Kebanyakan negara membangun terpaksa menghadapi cabaran besar dalam

usaha merebut peluang itu terutama dari segi mempertingkatkan kecekapan dalam industri komunikasi," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan kini sedia mewujudkan keutamaan bagi negara berasas kepada perspektif global yang akan dilaksanakan menerusi hubungan dagangan serta regim pelaburan bagi memaksimumkan keupayaan industri komunikasi.

(END)